



Sebahagian kereta mewah dan motosikal berkuasa tinggi yang dirampas oleh SPRM.

Anggota SPRM mengiringi suspek di Kota Tinggi, semalam.

6 ditahan kes rasuah harta tanah di Johor

BH. 28/2/2017 ms. 3

→ Anak EXCO kerajaan negeri antara suspek, 45 akaun bank bernilai RM15.5j dibeku

Oleh Junita Mat Rasid,
Mohd Fahmi Mohd Yusof
dan Ilah Hafiz Aziz
bhjb@bh.com.my

Johor Bahru

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan enam individu, termasuk anak EXCO kerajaan negeri dan membekukan 45 akaun bank bernilai RM15.5 juta dalam skandal rasuah dan penyelewengan harta tanah di Johor.

Yang dirampas termasuk 21 kereta mewah, lima motosikal berkuasa tinggi dan wang tunai RM500,000.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya Ope-

rasi SPRM, Datuk Azam Baki, berkata suspek berusia 25 hingga 50 tahun ditahan di beberapa lokasi di bandar raya ini dalam operasi serentak kira-kira jam 8.30 pagi, semalam.

"Yang turut ditahan ialah dua pemaju harta tanah, seorang peguam dan orang awam yang dipercayai terbabit dalam skandal terbabit," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Beliau berkata, semua suspek disyaki bersubahat dalam pengurangan premium tanah yang diluluskan untuk projek perumahan dan perindustrian serta penukaran status premis di Johor sehingga menyebabkan kerugian berjuta ringgit kepada hasil pendapatan kerajaan negeri Johor.

Azam berkata, berkata SPRM kini dalam proses meneliti semua dokumen yang dirampas berhubung penyelewengan harta tanah di Johor, selain dijangka memanggil beberapa orang lagi saksi bagi membantu melengkapkan siasatan kes berkenaan.

Penolong Pendaftar Mahkamah, Noor Hidayah Abdul Manaf membentarkan semua suspek ditahan reman selama tujuh hari sehingga Ju-mat depan bagi membantu siasatan lanjut kes berkenaan.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen

17(a) Akta SPRM yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda RM10,000 atau lima kali ganda nilai suapan, yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, menyerahkan kepada SPRM menyiasat kes itu.

MB Johor enggas ulas kes

Ketika ditanya mengenai penahanan membabitkan anak dan pegawai khas seorang EXCO kerajaan negeri, Mohamed Khaled enggan mengulas lanjut berhubung perkara itu.

"Saya tak nak komen yang itu (kenyataan SPRM), biarlah SPRM (jalankan siasatan). Itu tak perlu komen," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan kerja ke Gelang Patah di sini, semalam.

Dalam kes berasingan, tiga penyelia kem tentera berusia 33 hingga 43 tahun ditahan SPRM di Kota Bharu, Kuantan dan Kluang semalam, kerana disyaki terbabit dalam kegiatan rasuah membabitkan tender penyenggaraan di beberapa negeri. Mereka semua ditahan antara jam 4.30 petang dan 6.50 petang di Ibu Pejabat SPRM Kuantan ketika hadir untuk memberi keterangan.



Semua suspek disyaki bersubahat dalam pengurangan premium tanah yang diluluskan untuk projek perumahan dan perindustrian serta penukaran status premis di Johor"

Azam Baki,
Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi SPRM

Penahanan itu, susulan penangkapan dua pegawai dan anggota tentera masing-masing berpangkat Leftenan Kolonel dan Staf Sarjan kelmarin kerana dipercayai memperoleh keuntungan 'atas angin' di Unit Senggaraan, Zon Timur, kelmarin.

Pembabitan orang tengah

Menurut sumber, siasatan mendapat wujud pembabitan orang tengah dalam proses kelulusan tender penyenggaraan bernilai kurang daripada RM50,000 di kem tentera di beberapa negeri termasuk Pahang, Kelantan dan Terengganu.

Azam ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan berkata pihaknya akan menyiasat secara mendalam serta meneliti setiap dokumen berhubung projek penyenggaraan yang telah diluluskan sebelum ini.

"SPRM menerima banyak aduan berhubung perkara itu khususnya pegawai menggunakan kemudahan yang disediakan di kem berkenaan," katanya.

Majistret Nurunaim Abdullah membenarkan perintah reman selama enam hari terhadap ketiga-tiga suspek bermula hari ini untuk membantu siasatan mengikut seksyen 23 Akta SPRM 2009.